

Pengaruh Amalan Sogit Dan Pamali Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Kanak-Kanak Di Sabah Dan Indonesia

Alessandra Chanson Bruce, Amiruddin Bin Roslan, Auly Mahya Masyrifah, Azzahra Farhani Rachmadewi, Nur Amiraturridha Binti Mohd Bukhari, Nur Syahdiera Izzatul Binti Maryadi, Nurul Ismanadiah Binti Asmara, Quenet Michael, Hon Kai Yee*

Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author's e-mail: honkaiyee@ums.edu.my

Dihantar: / Diterima: 16 December

Received date: yyy / Accepted date: 30december 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk memahami pengaruh amalan sogit dan pamali terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak di Sabah dan Indonesia. Amalan sogit dan pamali merupakan sebahagian daripada sistem nilai budaya masyarakat tempatan yang berfungsi sebagai mekanisme sosial dalam mendidik dan membentuk disiplin moral sejak usia awal. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat di Sabah dan Indonesia mengenai amalan sogit dan pamali, menjelaskan perbandingan dan persamaan amalan sogit dan pamali, dan meneliti sejauhmana amalan sogit dan pamali masih relevan dan diamalkan oleh masyarakat Sabah dan Indonesia sehingga kini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan peserta daripada komuniti tempatan di Sabah dan beberapa wilayah di Indonesia. Analisis tematik digunakan bagi mengenalpasti tema-tema utama kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sogit dan pamali berperanan penting dalam membentuk tingkah laku patuh, hormat, dan berdisiplin dalam kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dalam mengekalkan kefahaman terhadap amalan ini dalam konteks moden yang semakin terdedah kepada pengaruh luar. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan kepentingan pemeliharaan nilai budaya tradisional sebagai asas kepada pembentukan moral dan identiti sosial kanak-kanak di kedua-dua negara.

Kata Kunci: sogit, pamali, tingkah laku, kanak-kanak, budaya, Sabah, Indonesia

Budaya merupakan elemen asas yang sentiasa terjalinkan dalam kehidupan seharian masyarakat, merangkumi cara bersosialisasi, sistem nilai, serta amalan pengasuhan kanak-kanak. Dalam konteks masyarakat di Sabah dan Indonesia, budaya berfungsi sebagai medium utama dalam membentuk tingkah laku dan moral generasi muda selaras dengan norma dan adat setempat. Setiap masyarakat mempunyai pendekatan tersendiri dalam mendidik kanak-kanak, yang diwarisi secara turun-temurun dan disesuaikan dengan persekitaran sosial serta kepercayaan komuniti masing-masing.

Antara amalan budaya yang signifikan dalam konteks ini ialah sogit dan pamali, yang merupakan warisan nenek moyang dan terus diamalkan sebagai mekanisme kawalan sosial dalam masyarakat tradisional (Marinsah et al., 2022). Amalan sogit dan pamali bukan sekadar larangan atau hukuman semata-mata, malah berperanan dalam memupuk nilai moral seperti disiplin, sopan santun, rasa hormat, rendah hati, serta kepatuhan terhadap norma sosial (Sugara & Perdana, 2018). Dalam konteks pengasuhan kanak-kanak, kedua-dua amalan ini berfungsi sebagai panduan tingkah laku yang membentuk kefahaman awal kanak-kanak tentang batasan sosial dan tanggungjawab moral, sekali gus menjadikan sogit dan pamali sebagai elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak dalam komuniti setempat.

Sogit ialah satu bentuk denda atau pampasan tradisional dalam adat masyarakat Kadazan-Dusun dan beberapa etnik lain di Sabah. Sogit merupakan amalan memberikan binatang temakan bagi mengelakkan berlakunya malapetaka disebabkan berlakunya pelanggaran adat (Pg Musa et al., 2018). Menurut Sansalu (2008) istilah sogit berasal daripada bahasa Dusun iaitu osugit yang bermaksud “sejuk”

(Pg Musa et al., 2020). Menurut Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), masyarakat Dusun melihat amalan sogit ini sebagai aset yang amat penting kerana ia berfungsi sebagai agen kawalan sosial secara formal dan tidak formal (Marinsah et al., 2022). Secara formalnya, sogit berfungsi sebagai undang-undang adat untuk mengekalkan keharmonian, manakala secara tidak formalnya, ia memaksa orang ramai untuk mengikuti adat kerana mereka takut dikenakan sogit atau dipandang serong. Kajian En. Parasin (2021), haiwan yang disembelih itu menjadi penanggung atau penebus dosa zina yang berlaku sehingga kampung tersebut aman seperti sedia kala (Hasmin et al., 2022). Kajian ini menjelaskan bahawa penyembelihan haiwan tersebut melambangkan penyucian kampung daripada dosa dan pemulihan keharmonian.

Pamali ialah serangkaian pantang larang atau larangan yang perlu dijaui untuk memelihara keharmonian hidup serta hubungan dengan alam dan para leluhur (Dinda Vinata et al., 2025). Sementara itu dalam bahasa Indonesia, pamali turut difahami sebagai pantang larang atau larangan yang berasaskan adat serta amalan kebiasaan masyarakat (Faiq et al., 2025). Dalam masyarakat Banjar, pamali berperanan sebagai mekanisme kawalan sosial yang mengatur cara seseorang bertutur, bertindak, atau melaksanakan sesuatu aktiviti. Selain itu, pamali turut menjadi indikator untuk menilai sejauh mana seseorang mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat, sama ada yang berasaskan ajaran agama mahupun norma-norma sosial (Jamalie et al., 2014).

Kajian ini menunjukkan bahawa pamali berperanan sebagai mekanisme kawalan sosial serta pendidikan moral. Melalui pematuhan terhadap pamali, individu, termasuk kanak-kanak, didedahkan bahawa melanggar pantang larang atau

larangan adat boleh mengakibatkan akibat yang tidak diinginkan. Perkara ini membentuk kesedaran awal tentang kepentingan mematuhi peraturan sosial dan norma masyarakat bagi memelihara keharmonian hidup serta hubungan dengan alam dan para leluhur. Dengan demikian, pamali bukan sahaja berfungsi sebagai panduan tingkah laku, malah turut menjadi indikator untuk menilai sejauh mana seseorang menghormati adat, ajaran agama, dan norma sosial yang diamalkan.

Walaupun bagaimanapun, sogit dan pamali tidak bersifat statik. Kajian oleh Rinus (2018) menunjukkan bahawa amalan sogit telah mengalami pelbagai perubahan sejajar dengan peredaran masa, dipengaruhi oleh faktor agama, tahap pendidikan, pembangunan sosioekonomi, pertembungan budaya, serta perubahan gaya hidup masyarakat. Perubahan ini turut memberi kesan terhadap cara amalan tradisional ini difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam konteks pengasuhan kanak-kanak.

Dari perspektif perkembangan moral kanak-kanak, Arif dan Listiana (2022) menjelaskan bahawa kanak-kanak pada usia awal masih bergantung kepada rangsangan dan rujukan luaran untuk menilai sama ada sesuatu tingkah laku itu baik atau buruk. Selari dengan tahap moraliti pra-konvensional dalam Teori Perkembangan Moral Kohlberg, kanak-kanak cenderung mematuhi peraturan untuk mengelakkan hukuman dan memperoleh ganjaran. Dalam konteks pamali, hukuman lebih bersifat norma etika masyarakat, seperti larangan berkeliaran atau bermain pada waktu malam yang dianggap waktu rehat dan tidak beretika. Begitu juga dalam amalan sogit, kanak-kanak dididik untuk lebih berhati-hati dalam tingkah laku mereka bagi mengelakkan pelanggaran adat yang boleh mengakibatkan hukuman berbentuk denda atau pampasan adat yang telah ditetapkan oleh komuniti.

Pernyataan masalah kajian ini berpunca daripada pemerhatian bahawa generasi muda pada masa kini semakin kurang terdedah kepada amalan sogit dan pamali. Walaupun kedua-dua amalan ini telah lama berfungsi sebagai mekanisme sosial penting dalam membentuk disiplin moral, rasa hormat, dan tingkah laku patuh dalam kalangan kanak-kanak di Sabah dan Indonesia, tahap kefahaman dan penghayatan terhadapnya semakin berkurangan dalam konteks moden. Perubahan sosial yang pesat, pendedahan kepada nilai luar, serta perkembangan gaya hidup kontemporari menimbulkan persoalan tentang sejauh mana relevansi dan keberkesanan amalan tradisional ini sebagai asas pendisiplinan awal kanak-kanak.

Selain itu, masih terdapat kekurangan kajian komprehensif yang meneliti secara mendalam persamaan dan perbezaan amalan sogit dan pamali, khususnya dari sudut peranannya dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak serta cara ia difahami dan diamalkan dalam komuniti di kedua-dua negara. Kekurangan ini mewujudkan jurang pengetahuan mengenai peranan sebenar sogit dan pamali dalam pembentukan identiti moral dan sosial generasi muda dalam masyarakat kontemporari.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk 1) meneroka tahap pemahaman masyarakat di Sabah dan Indonesia terhadap amalan sogit dan pamali, 2) mengupas persamaan dan perbezaan kedua-dua amalan tersebut dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak, dan 3) meneliti relevansi sogit dan pamali dalam konteks persekitaran sosial masa kini serta hubungannya dengan pembentukan tingkah laku kanak-kanak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan

pendekatan fenomenologi. Fenomenologi ialah bidang falsafah yang mengkaji pengalaman manusia (Tumangkeng & B. Maramis, 2022). Dalam kajian ilmu sosial, pendekatan fenomenologi digunakan untuk memahami fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat. Pendekatan ini membolehkan kita memahami makna tindakan sosial yang dikaji melalui kesedaran tentang pengalaman manusia (Wita & Mursal, 2022). Pendekatan fenomenologi dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneliti makna dan pengalaman hidup sebenar individu yang terlibat dengan amalan tersebut. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Melalui kaedah temu bual separa berstruktur pengkaji dapat melontarkan soalan lanjutan berdasarkan jawapan peserta bagi memperluaskan skop kajian dan menimbulkan tema baru bagi membuat kesimpulan yang mantap (Shuib, 2019). Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang pengaruh amalan sogit dan pamali terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak di Sabah dan Indonesia. Peserta terdiri daripada ibu bapa yang memahami peranan nilai budaya ini dalam mendidik kanak-kanak. Oleh itu, pengumpulan data yang menyeluruh dan berkaitan secara langsung dengan objektif kajian, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman, persamaan dan perbandingan serta relevansi amalan sogit dan pamali dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak.

Peserta and Pemilihan Lokasi

Persampelan

Teknik pengumpulan sampel dalam kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan dengan subjenis pensampelan homogen, iaitu pemilihan peserta yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan relevan dengan reka bentuk kajian (Etikan et al., 2015). Dalam konteks kajian ini, tujuh orang peserta telah dipilih dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak berusia antara 9 hingga 12 tahun dan umur ibu bapa dalam lingkungan 36 hingga 45 tahun. Justeru penggunaan pensampelan homogen adalah sesuai kerana ia memastikan data diperolehi daripada kumpulan yang seragam dan selari dengan objektif kajian.

Pemilihan Lokasi

Pemilihan lokasi kajian dilakukan di dua wilayah, iaitu Sabah dan Indonesia. Pemilihan kedua-dua wilayah ini adalah berdasarkan tujuan kajian, iaitu untuk meneliti pengaruh amalan sogit dan pamali terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak di Sabah dan Indonesia.

Protokol Temu Bual

Protokol temu bual disusun berdasarkan senarai soalan separa berstruktur yang dibentuk selaras dengan objektif dan tujuan penyelidikan. Protokol temu bual separa berstruktur ini bertujuan untuk membantu pengkaji meneroka kefahaman masyarakat terhadap amalan sogit dan pamali, mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara kedua-dua amalan tersebut, serta meneliti pengaruhnya terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak dalam konteks masyarakat di Sabah dan Indonesia. Protokol temu bual ini dibahagikan kepada empat bahagian utama seperti berikut:

- Bahagian 1: Maklumat Peserta
- Bahagian 2: Pengenalan
- Bahagian 3: Soalan Temu Bual
- Bahagian 4: Penutup

Temu bual dijalankan terhadap peserta yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, melibatkan peserta yang mempunyai pengetahuan mendalam atau pengalaman langsung berkaitan amalan sogit dan pamali dalam komuniti masing-

masing. Temu bual dijalankan secara maya di platform seperti “WhatsApp” dan “Google Meet” yang sesuai dan selesa bagi peserta. Setiap sesi temu bual berlangsung antara 6 hingga 10 minit, bergantung kepada kelancaran perbincangan. Semua temu bual telah dijalankan dengan keizinan peserta dan dirakam menggunakan perakam suara digital bagi memastikan ketepatan data. Rakaman audio kemudiannya ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis data menggunakan kaedah analisis tematik.

Jadual 1: Ringkasan Protokol Temu Bual

Bahagian	Topik Soalan	Soalan
1	Maklumat peserta	Kod peserta, Jantina, Tarikh temu bual Masa Tempat
2	Pengenalan	Pengenalan diri, penerangan tujuan kajian, pemakluman temu bual dirakam, jaminan kerahsiaan dan hak penyertaan dalam kajian, dan persetujuan peserta. Melalui Borang Persetujuan Termaklum.
3	Soalan temu bual	Apakah maksud sebenar sogit/pamali mengikut kefahaman anda? Dari mana anda mengetahui atau mempelajari tentang amalan sogit/pamali ini? Dalam situasi atau kesalahan bagaimana sogit/pamali biasanya dikenakan terhadap seseorang, khususnya kanak-kanak? Siapa yang biasanya melaksanakan atau mengingatkan tentang sogit/pamali kepada anak-anak? Pada pendapat anda, bagaimana sogit/pamali membantu membentuk tingkah laku kanak-kanak supaya menjadi lebih berdisiplin atau menghormati orang tua? Apakah perubahan tingkah laku yang dapat dilihat selepas seorang kanak-kanak dikenakan sogit/pamali? Adakah anda berpendapat amalan sogit/pamali lebih berkesan daripada teguran biasa dalam mendidik kanak-kanak?Mengapa? Adakah amalan sogit/pamali masih diamalkan secara aktif dalam komuniti anda sekarang? Pada pendapat anda,

		adakah amalan ini masih sesuai dan relevan dalam kehidupan moden untuk mendidik kanak-kanak? Pada pandangan anda, mengapa ada masyarakat yang mungkin sudah tidak mengamalkan sogit/pamali ini?
4	Penutupan	Ucapan terima kasih, jika terdapat komen tambahan atau persoalan.

Teknik Analisis Data

Data daripada temu bual ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik adalah untuk mencari pola atau tema yang diperoleh daripada data yang dikumpulkan oleh pengkaji (Aurellia & Dewi, 2023).

Proses analitik tematik melibatkan beberapa langkah antaranya:

1. pembiasaan dengan data
2. penjaanan kod awal
3. pencarian tema
4. penyemakan tema
5. penamaan dan pentakrifan tema
6. penulisan laporan

Melalui teknik analisis ini, pengkaji dapat mengenal pasti pola dan tema bermakna yang selaras dengan objektif kajian, khususnya dalam tiga domain utama, iaitu tahap kefahaman masyarakat terhadap amalan sogit dan pamali, persamaan dan perbandingan antara amalan sogit dan pamali dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak, serta tahap kelangsungan dan relevansi amalan tersebut dalam konteks kehidupan masyarakat masa kini.

Hasil Dapatan

Kajian ini dijalankan untuk memahami secara mendalam tentang kefahaman, perbandingan dan persamaan dan kerelevanan amalan sogit dan pamali dalam pembentukan kanak-kanak di Sabah dan di Indonesia. Demografi peserta terdiri daripada tujuh orang yang mana semua merupakan seorang ibu bapa dalam lingkungan 36 hingga 45 tahun. Peserta dikenali sebagai ‘R1’ (peserta pertama), ‘R2’ (peserta kedua), ‘R3’ (peserta ketiga), ‘R4’ (peserta keempat), ‘R5’ (peserta kelima), ‘R6’ (peserta keenam), dan ‘R7’ (peserta ketujuh).

Tahap Kefahaman Masyarakat Sabah Dan Indonesia Mengenai Amalan Sogit Dan Pamali

Berdasarkan analisis data, terdapat dua kategori utama yang dikenal pasti dalam respons peserta, iaitu kefahaman maksud sogit dan pamali serta sumber pengetahuan tentang amalan tersebut. Kedua-dua kategori ini memberikan gambaran jelas tentang bagaimana masyarakat di Sabah dan Indonesia memahami fungsi, tujuan serta makna budaya di sebalik amalan sogit dan pamali dalam kehidupan seharian.

Jadual 2: Tema dan Subtema Tahap Kefahaman Masyarakat Sabah dan Indonesia Mengenai Amalan Sogit dan Pamali

Tema	Subtema
Kefahaman <i>Sogit</i> dan <i>Pamali</i>	Denda adat Pantang larang
Sumber Pengetahuan	Penurunan secara lisan Pemerhatian upacara adat

Kefahaman Sogit dan Pamali

Setiap peserta mempunyai kefahaman tersendiri tentang maksud dan tujuan amalan sogit dan pamali. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kefahaman ini merujuk kepada cara masyarakat mentafsir sogit sebagai denda adat dan pamali sebagai pantang larang yang diwariskan turun-temurun. Kefahaman ini dipengaruhi oleh pengalaman hidup, pengaruh keluarga, dan pemerhatian terhadap pelaksanaan adat.

1. Denda Adat

Menurut hasil kajian yang dijalankan, peserta di Sabah memahami sogit sebagai denda adat yang dikenakan terhadap individu yang melanggar peraturan Kadazan Dusun. Sogit berfungsi menjaga keharmonian sosial, memastikan individu bertanggungjawab atas kesalahan, dan memulihkan hubungan, bukan semata hukuman. Kefahaman ini disebabkan pengalaman hidup, adat dalam keluarga, dan pemerhatian terhadap pelaksanaan sogit sejak kecil.

"Sogit adalah merupakan peraturan atau undang-undang dan juga denda yang dikenakan kepada mereka yang melanggar adat istiadat dalam masyarakat Dusun." (R1)

"Mengikut pemahaman saya, sogit ini merujuk kepada denda yang dikenakan kepada masyarakat Dusun bila mereka melanggar hukum adat." (R6)

"Sogit ialah satu denda atau cara berdamai antara satu sama lain." (R7)

Kenyataan di atas menyatakan bahawa peserta memahami sogit sebagai satu bentuk hukuman adat yang formal dan mempunyai kuasa sosial. Dalam konteks pembentukan tingkah laku kanak-kanak, sogit didapati memberi kesan terhadap peningkatan disiplin dan kawalan diri. Walaupun denda sogit jarang dilakukan ke atas kanak-kanak, namun denda ini ditanggung oleh ibu bapa. Sebagai contoh, kes kanak-kanak yang mencederakan rakannya sehingga berdarah dikenakan sogit ke atas ibu bapanya. Hal ini membuatkan kanak-kanak tersebut menjadi lebih berhati-hati dalam tingkah laku sosialnya. Tambahan daripada peserta juga, walaupun kanak-kanak tersebut masih aktif dan nakal, namun mereka sedar untuk tidak mengulangi kesalahan yang membawa konflik fizikal. Oleh itu, keadaan ini telah mengajar kanak-kanak bahawa setiap kesalahan mempunyai akibat bukan sahaja kepada diri sendiri malah ahli keluarganya juga.

2. Pantang Larang

Bagi masyarakat Indonesia, pamali difahami sebagai pantang larang atau larangan tingkah laku yang diwariskan sejak zaman nenek moyang. Pamali bukanlah sebagai hukuman tetapi didikan untuk membentuk tingkah laku, adab serta menjaga keselamatan kanak-kanak. Berikut hasil temu bual berkaitan kefahaman tentang pamali oleh peserta dari Indonesia.

"Pamali itu sebuah larangan... larangan itu sebenarnya benar. Dianggap orang tua ini gak boleh, itu gak boleh' ternyata itu nasehat yang bijak." (R2)

"Pamali itu larangan atau pantangan... pantangan-pantangan yang dipercaya oleh masyarakat tradisional." (R4)

"Pamali itu kepercayaan orang-orang zaman dulu... sesuatu yang tidak boleh kita lakukan." (R3)

Ketiga - tiga peserta menunjukkan bahawa pamali bertindak sebagai pantang larang budaya yang memelihara adab dan keselamatan. Pamali membantu kanak-kanak memahami

batasan tingkah laku yang diterima dalam masyarakat. Larangan seperti tidak keluar rumah pada waktu maghrib, tidak melangkahi orang tua dan lain-lain secara tersiratnya dapat membentuk disiplin, kesopanan dan kawalan diri sejak dari kecil. Sesetengah pamali disampaikan dalam bentuk larangan yang tidak logik, namun dengan penjelasan daripada orang dewasa menjadikan pamali sebagai alat pendidikan moral yang efektif dan mudah difahami serta diterima oleh kanak-kanak. Menurut peserta, kanak-kanak yang dididik dengan pamali cenderung lebih berhati-hati, beradab dan mampu mengawal tingkah laku seharian. Hal ini menunjukkan bahawa pamali bertindak sebagai mekanisme pencegahan tingkah laku berisiko berbanding dengan hukuman selepas kesalahan berlaku.

Sumber Pengetahuan

Selain kefahaman tentang maksud sogit dan pamali, kajian ini mendapati bahawa pengetahuan masyarakat tentang amalan ini diperolehi melalui beberapa saluran utama yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelestarian budaya. Saluran ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi juga sebagai mekanisme sosial yang mengikat generasi muda kepada nilai-nilai tradisi. Proses ini berlaku secara formal dan tidak formal, bergantung kepada konteks keluarga, komuniti, dan pendidikan.

1. Penurunan secara Lisan

Penurunan secara lisan merupakan sumber pengetahuan paling dominan. Sebelum penemuan tulisan, penurunan secara lisan, atau tradisi lisan, menjadi sumber pengetahuan paling dominan dalam masyarakat tradisional kerana ia menjadi kaedah utama untuk menyampaikan sejarah, budaya, hukum, dan pengetahuan praktikal melalui cerita, lagu, mitos, dan puisi (Lambin et al., 2019). Peserta menjelaskan bahawa mereka mengetahui sogit atau pamali melalui cerita, teguran dan nasihat yang disampaikan oleh ibu bapa atau orang tua.

"Dari kecil lagi mama selalu bilang, jangan buat itu...pamali." (R5)

"Kami dari kecil lagi sudah dengar orang tua bilang jangan melawan, itu pamali." (R2)

"Sogit ini selalu nenek kasih tau kalau ada orang buat salah...mesti ada denda." (R1)

Sejak awal perkembangan kanak-kanak, penurunan lisan ini berfungsi sebagai cara utama keluarga memperkenalkan nilai budaya. Penurunan lisan juga sering digunakan apabila kanak-kanak melakukan kesalahan untuk memastikan maklumat sampai secara langsung dan berguna. Teguran dan nasihat yang disampaikan secara langsung membolehkan kanak-kanak memahami apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Oleh itu, melalui pengulangan nasihat seperti larangan melawan orang tua atau melakukan perbuatan tertentu, kanak-kanak akhirnya dapat membentuk kefahaman dan pengetahuan tentang akibat sesuatu tingkah laku tersebut.

2. Pemerhatian Upacara Adat

Sebahagian peserta memperoleh kefahaman melalui pengalaman mereka menyaksikan sendiri pelaksanaan sogit atau ritual berkaitan pamali di komuniti mereka. Mereka memperoleh pemahaman tentang tujuan, maksud dan nilai pelaksanaan sogit dan pamali melalui penyertaan atau penglibatan sebagai pemerhati.

"Saya pernah nampak sendiri orang kampung buat sogit bila ada kes gaduh... dari situ saya faham apa itu sogit." (R6)

"Pamali kami tahu dari acara adat... bila imam atau ketua kampung beritahu larangan." (R3)

Dari sudut pembentukan tingkah laku kanak-kanak, pemerhatian

terhadap upacara adat memainkan peranan penting dalam pembelajaran sosial. Dengan menyaksikan bagaimana kesalahan ditangani melalui sogit atau bagaimana larangan pamali ditegaskan dalam upacara adat, kanak-kanak secara tidak langsung mempelajari batasan tingkah laku yang diterima dalam masyarakat. Selain itu, pemerhatian ini juga memperlihatkan reaksi sosial komuniti terhadap pelanggaran adat, seperti rasa hormat terhadap keputusan ketua adat, kepatuhan terhadap peraturan dan ketegasa masyarakat dalam menegakkan adat. Reaksi-reaksi ini memberi isyarat jelas kepada kanak-kanak bahawa adat perlu dihormati dan dipatuhi. Oleh itu, proses ini juga membantu membentuk sikap bertanggungjawab, rasa takut melakukan kesalahan serta kesedaran tentang keharmonian sosial.

3. Penyampaian Generasi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman peserta tentang sogit dan pamali turut terbentuk melalui transmisi antara generasi, terutamanya daripada datuk nenek, orang yang lebih tua, dan tokoh adat di kampung. Penyampaian tidak formal ini disampaikan melalui cerita pengalaman, peringatan harian, dan kisah sogit atau pamali yang pernah berlaku dalam komuniti.

“Nenek yang banya bercerita tentang sogit... dulu-dulu kuat diamalkan.” (R1)

“Pamali ini kami belajar dari orang tua...sudah jadi budaya turun-menurun.” (R2)

“Kalau saya, saya lebih mengenali amalan sogit ini daripada datuk dan nenek saya.” (R7)

Penyampaian nilai dan amalan dari generasi ke generasi terutamanya melalui keluarga dan komuniti dapat membantu masyarakat memahami bahawa sogit dan pamali adalah sebahagian daripada identiti budaya yang perlu dihormati dan bukannya sekadar larangan. Kanak-kanak mempelajari nilai seperti hormat kepada orang tua, kepatuhan terhadap peraturan dan tanggungjawab sosial melalui cerita dan nasihat yang disampaikan oleh generasi terdahulu. Penceritaan pengalaman sebenar tentang kesan pelanggaran adat menjadikan imej menjadi lebih bermakna dan mudah diingat oleh kanak-kanak. Melalui peranan keluarga dan komuniti, proses transmisi ini dapat memastikan kesinambungan adat dan nilai budaya terus dipelihara serta diaplikasikan dalam kehidupan seharian generasi muda.

4. Pembacaan Buku

Sebahagian kecil peserta kami menyatakan bahawa mereka mendapat pengetahuan melalui bahan bacaan atau pendidikan formal. Pendidikan formal dan bahan bacaan juga membantu generasi muda yang mungkin kurang terdedah kepada pengalaman adat, sekaligus menyokong kelestarian pengetahuan budaya ini di zaman moden.

“Saya pernah baca buku budaya Dusun, dari situ saya faham sogit lebih jelas.” (R1)

“Di sekolah dulu guru ada bagi bacaan pasak adat pamali.” (R6)

Berdasarkan maklum balas kedua-dua peserta, menunjukkan pengetahuan budaya dapat diperkuat melalui sumber pendidikan formal atau dokumentasi adat. Mereka juga menyatakan pembacaan buku dan pendedahan melalui pendidikan formal membantu meningkatkan kefahaman terhadap konsep, maksud dan fungsi sogit serta pamali secara lebih mendalam dan tersusun. Sumber bertulis ini membolehkan memahami latar belakang adat, istilah serta

konteks pelaksanaan amalan tersebut. Oleh itu, bahan bacaan dan pendidikan formal berfungsi sebagai sumber sokongan dalam memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap sogit dan pamali. Walaupun peranannya masih terhad, kaedah ini berpotensi menyokong kelestarian pengetahuan budaya dalam konteks masyarakat moden yang mana semakin bergantung kepada sumber dokumentasi bertulis.

Perbandingan Dan Persamaan Amalan Sogit Dan Pamali Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Sabah Dan Indonesia Dalam Pembentukan Tingkah Laku Kanak-Kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan sogit di Sabah dan pamali di Indonesia memainkan peranan yang hampir sama dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak, walaupun kedua-duanya berbeza dari segi bentuk pelaksanaan dan konteks budaya. Melalui analisis temubual, tiga tema utama dikenal pasti, iaitu peranan sogit dan pamali dalam membentuk disiplin, pembentukan sikap hormat kepada orang tua, serta perbandingan keberkesanan sogit dan pamali berbanding teguran biasa.

Cara Bentuk Pelaksanaan

Berdasarkan jadual, pelaksanaan sogit dan pamali berbeza dari segi pendekatan dalam mendidik kanak-kanak. Sogit dilaksanakan melalui tindakan adat yang formal seperti nasihat, teguran dan denda untuk membina kesedaran serta memulihkan hubungan sosial, manakala pamali dilaksanakan melalui larangan dan amaran budaya yang menekankan kepatuhan dan pencegahan awal tingkah laku.

1. Bentuk Tindakan

Sogit: Jadi melalui analisis temubual bersama responden dapat dilihat, tindakan dalam sogit, melibatkan denda dan peringatan adat yang dilaksanakan oleh ibu bapa, orang tua atau ketua kampung apabila berlaku pelanggaran adat atau kesalahan serius. Tanggungjawab sogit biasanya dipikul oleh ibu bapa dan bertujuan untuk mendamaikan pihak terlibat serta mencegah kesalahan berulang. Melalui amalan ini, kanak-kanak menjadi lebih berhati-hati dan sedar akan akibat perbuatan, sekali gus berfungsi sebagai mekanisme pendidikan tingkah laku dan kawalan sosial dalam masyarakat.

“Saya pernah dengar seorang kanak-kanak mencakar wajah kanak-kanak yang lain sehingga berdarah ada dikenakan sogit ke atas ibu bapanya dengan tujuan supaya berdamai dan tidak akan berlaku lagi kejadian yang sama.” (R1)

Pamali: Berbeza dengan amalan pamali, dilakukan melalui amaran atau pengawasan terhadap larangan budaya. Tindakan ini lebih menekankan ketegasan dan kepatuhan, di mana kanak-kanak diajar bahawa melanggar larangan boleh membawa akibat buruk, sama ada secara sosial atau tradisi. Contohnya, kanak-kanak mungkin dilarang melakukan sesuatu kerana dipercayai akan membawa nasib malang, dan orang tua atau komuniti akan menegur serta mengingatkan supaya larangan dipatuhi.

“Kalau sudah magrib wajib tutup pintu, wajib harus di rumah, diusahakan jangan di luar.” (R2)

Secara keseluruhan, sogit menekankan hukuman berbentuk tanggungjawab dan pemulihan sosial, manakala pamali menekankan pencegahan dan kepatuhan melalui larangan budaya, menunjukkan perbezaan peranan kedua-dua amalan dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak.

2. Jenis Hukuman

Sogit: Jenis hukuman dalam sogit berbentuk denda adat yang bersifat formal, dilaksanakan melalui ibu bapa dengan penglibatan orang tua atau ketua kampung apabila berlaku pelanggaran adat atau kesalahan serius. Hukuman ini bukan bertujuan menghukum kanak-kanak secara langsung, tetapi

untuk memberi pengajaran, mendamaikan pihak terlibat dan mencegah kesalahan berulang. Melalui hukuman sogit, kanak-kanak menjadi lebih berhati-hati, sadar akan akibat perbuatan dan membentuk disiplin diri.

"Kanak-kanak akan lebih bertanggungjawab apabila dikenakan denda oleh ibu bapa." (R1)

Pamali: Manakala jenis hukuman dalam pamali, ia berbentuk hukuman simbolik melalui amaran, larangan dan kepercayaan terhadap akibat buruk, tanpa melibatkan denda fizikal atau material. Hukuman ini dilaksanakan melalui teguran dan peringatan berulang oleh orang tua, dengan penekanan kepada kepatuhan dan pencegahan tingkah laku yang tidak sesuai. Melalui pamali, kanak-kanak dididik untuk mengawal tingkah laku, menghormati nasihat orang tua dan mematuhi nilai budaya.

"Kalau kita udah 'Pamali, enggak boleh kaya gitu', anak sudah langsung 'Oh iya'." (R4)

Secara ringkasnya, sogit memberi denda adat untuk mendidik, memulihkan hubungan, dan membentuk disiplin, manakala pamali menggunakan amaran dan larangan budaya untuk menekankan kepatuhan dan menghormati nilai budaya. Kedua-duanya membentuk tingkah laku kanak-kanak tetapi dengan cara berbeza.

Persamaan Kesan Tingkah Laku

Berdasarkan dapatan temu bual, terdapat persamaan yang ketara antara amalan sogit dalam masyarakat Sabah dan pamali dalam masyarakat Indonesia dari segi kesan terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Kedua-dua amalan ini didapati memberi kesan yang sama dalam membentuk :

1. Disiplin & Hormat

Melalui analisis kajian terhadap temu bual yang dijalankan ke atas peserta Sabah dan Indonesia, amalan sogit dan pamali didapati mempunyai persamaan yang jelas dalam membentuk disiplin dan sikap hormat dalam kalangan kanak-kanak. Disiplin diri adalah komponen penting yang mesti dimiliki oleh setiap individu kerana ia memberi impak yang ketara terhadap kehidupan individu, masyarakat dan negara (Djafar & Kasidi, 2021). Dapatan ini disokong oleh pengalaman peserta yang menunjukkan bahawa pendedahan terhadap sogit dan pamali membantu kanak-kanak mengawal tingkah laku mereka. Sebagai contoh, salah seorang peserta kami menyatakan :

"Kanak-kanak yang dikenakan sogit itu masih juga nakal tapi mereka lebih berhati-hati agar tidak lagi bergaduh sehingga mencederakan orang lain." (R1)

Selain itu, amalan pamali turut menekan aspek adab dan kesopanan dalam interaksi sosial, khusus hubungan generasi muda dan generasi tua. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan peserta dari Indonesia :

"Kalau berbicara dengan orang tua tidak boleh menyebut nama, itu pamali. Orang tua harus dipanggil dengan sebutan yang sopan." (R2)

Kedua-dua dialog ini membawa maksud bahawa amalan menghormati orang yang lebih tua melalui larangan dan peraturan adat menyumbang kepada pembentukan sikap hormat dan kepatuhan. Budaya penghormatan dan kepatuhan terhadap tok guru berdasarkan pengetahuan serta karisma yang dimilikinya telah mewujudkan suasana disiplin antara pelajar dan guru (Ahmad Khairundin et al., 2019). Jelaslah bahawa amalan sogit dan pamali amatlah signifikan dalam mengawal tingkah laku, mematuhi peraturan serta membentuk sikap hormat terhadap orang tua.

2. Tanggungjawab

Kedua-dua amalan ini juga turut menanam rasa tanggungjawab dalam diri kanak-kanak sekali gus memberi kesedaran bahawa tindakan mereka akan membawa kesan tertentu. Menurut Surifah (2018), Abdussalam memaparkan karakter tanggungjawab pada anak usia dini antaranya ialah mereka dapat melaksanakan akibat daripada sesuatu kegiatan atau perbuatan (Anggraeni et al., 2021). Hal ini membawa maksud kanak-kanak tersebut mampu bertanggungjawab ke atas tingkah laku sendiri.

"Kanak-kanak akan lebih bertanggungjawab apabila dikenakan denda oleh ibu bapa kerana mereka tahu setiap kesalahan ada akibatnya." (R1)

"Kalau anak mau buat sesuatu, dia akan fikir dulu akibatnya, baik atau buruk, kerana sudah biasa dengar pamali." (R4)

Berdasarkan transkrip, kanak-kanak belajar bahawa setiap kesalahan yang dilakukan atau pelanggaran adat akan membawa akibat tertentu. Kesedaran ini menyebabkan mereka lebih berhati-hati terhadap apa yang dilakukan serta memahami bahawa tingkah laku mereka bukan sahaja akan memberi kesan kepada diri sendiri malahan kepada orang di sekelilingnya. Dalam konteks sogit, kesedaran terhadap konsekuensi mendorong mereka untuk mengawal tingkah laku. Selain itu, dalam konteks pamali pula menyatakan larangan yang disampaikan secara berulang membentuk pola pemikiran yang lebih berhati-hati. Secara ringkasnya, kedua-dua menyebabkan kanak-kanak berhati-hati terhadap tingkah laku mereka yang mana akhirnya menyebabkan mereka bersikap tanggungjawab terhadap kesalahan sendiri.

Sejauhmana Amalan Sogit Dan Pamali Masih Relevan Dan Diamalkan Oleh Masyarakat Sabah Dan Indonesia Dalam Mempengaruhi Pembentukan Tingkah Laku Kanak-Kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan Sogit di Sabah dan Pamali di Indonesia masih juga diamalkan dalam masyarakat walaupun tahap pengamalannya berbeza mengikut generasi dan juga lokasi. Kedua-dua amalan ini masih wujud terutama sekali dalam keluarga yang menekankan nilai tradisi. Namun begitu, pengaruh gaya hidup yang semakin moden telah menyebabkan generasi muda semakin kurang mengamalkannya. Dalam konteks moden, amalan Sogit dan Pamali masih dianggap relevan jika digunakan untuk mendidik, membina disiplin dan menanam sikap hormat, tetapi perlu disesuaikan agar lebih logik dan tidak menakutkan.

Tahap Pengamalan Sogit dan Pamali dalam Masyarakat Sabah dan Indonesia

Setiap peserta mempunyai pandangan tersendiri tentang sejauh mana amalan sogit dan pamali masih diamalkan dalam kehidupan mereka. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, tahap pengamalan ini berbeza mengikut generasi dan lokasi. Amalan ini lebih kuat diamalkan dalam keluarga yang menekankan nilai tradisi dan di kawasan luar bandar berbanding bandar. Faktor seperti pengaruh moden, pendidikan, dan agama turut mempengaruhi sejauh mana amalan ini diteruskan.

1. Sogit dan Pamali Masih Aktif

Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan bahawa amalan sogit dan pamali masih diamalkan secara aktif dalam kalangan keluarga yang menekankan nilai tradisi. Pelaksanaan sogit di Sabah sering melibatkan ibubapa atau ketua kampung untuk memberi nasihat dan denda adat apabila berlaku sebarang pelanggaran adat atau kesalahan yang serius. Manakala pamali di Indonesia pula, dilaksanakan melalui larangan dan amaran budaya yang mana menekankan kepatuhan kanak-kanak terhadap nilai tradisi.

"Sogit masih aktif... Cuma kes tidak diviralkan." (R1)

"Di kampung Jawa, pamali masih diterapkan." (R2)

"Masih digunakan, tapi mesti disertai alasan logik." (R3)

Oleh hal yang demikian, amalan sogit dan pamali masih wujud, terutamanya dalam keluarga yang kuat budaya tradisi. Namun tahap pelaksanaannya berbeza mengikut lokasi yang mana lokasi luar bandar lebih kuat berbanding di bandar yang semakin berkurang.

2. Semakin berkurangan dalam generasi muda

Walaupun amalan ini masih wujud, sebahagian peserta menekankan bahawa generasi muda semakin kurang mengamalkannya. Hal ini disebabkan oleh faktor moden, pendidikan serta pengaruh agama yang menyebabkan mereka lebih memilih logik berbanding pantang larang tradisional.

"Cara hidup sudah berubah... pengaruh agama makin kuat." (R6)

"Orang anggap sogit kepercayaan kuno" (R7)

"Anak moden perlukan alasan; jika tak logik mereka tak percaya." (R4)

"Zaman moden... banyak sudah tidak amalkan pamali." (R5)

Amalan sogit dan pamali masih ada, tetapi berkurangan dalam kalangan generasi muda yang terdedah kepada gaya hidup moden dan pendidikan urban.

Relevansi Sogit dan Pamali dalam konteks moden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun amalan sogit dan pamali semakin berkurangan dalam kalangan generasi muda, tetapi ia masih dianggap relevan dalam konteks moden sekiranya digunakan dengan cara yang sesuai. Tahap relevansi amalan ini bergantung kepada bagaimana ia diterapkan, sama ada untuk mendidik disiplin, membina adab atau sekadar digunakan secara literal tanpa penjelasan logik.

1. Masih dianggap relevan

Sebahagian besar peserta menekankan bahawa Sogit dan Pamali masih relevan sehingga kini apabila ianya digunakan untuk mendidik kanak-kanak, menanam sikap hormat, dan membina disiplin. Kepentingan amalan ini lebih diterima jika dijelaskan secara logik bukan hanya mengandungi unsur takutkan kanak-kanak.

"Sogit sangat penting mendidik disiplin... biar mati anak jangan mati adat." (R1)

"Relevan jika digunakan sederhana." (R6)

"Pamali bentuk anak jadi sopan dan hormat orang tua." (R2)

"Masuk akal jika dijelaskan secara logik." (R4)

"Pamali membentuk disiplin & hormat, jika diberi alasan logik." (R3)

Secara umumnya, amalan sogit dan pamali masih relevan untuk mendidik disiplin, adab serta hormat terhadap orang tua, terutama sekali apabila disesuaikan dengan konteks moden dan dijelaskan dengan logik.

2. Kurang relevan jika digunakan secara literal

Sebaliknya, beberapa orang peserta menyatakan bahawa kedua-dua amalan ini iaitu sogit dan pamali masing-masing boleh menjadi kurang relevan jika digunakan secara literal, tanpa penyesuaian kepada konteks moden. Kanak-kanak

merupakan generasi baru yang lebih berfikir kritis dan cenderung untuk mempertikaikan amalan yang tidak masuk akal atau hanya bersifat mistik.

"Anak sekarang anggap pamali tak masuk akal... selalu bantah." (R5)

"Ada pamali yang sesuai, ada yang tidak; kalau tak dijelaskan, mereka tak akan ikut." (R3)

Justeru, tidak semua pantang larang atau amalan tradisional boleh digunakan secara langsung tanpa penyesuaian. Sogit dan pamali lebih relevan apabila diolah dan dijelaskan dengan alasan logik agar difahami oleh kanak-kanak.

Perbincangan

Dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual mendalam bersama peserta di Sabah dan Indonesia menunjukkan bahawa amalan sogit dan pamali masih mempunyai kedudukan yang signifikan dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak, meskipun berdepan perubahan zaman dan perkembangan pendidikan formal. Analisis data yang dijalankan secara keseluruhan mengesahkan kesimpulan bahawa kedua-dua amalan ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial tradisional, tetapi turut memainkan peranan penting dalam memelihara identiti budaya masyarakat masing-masing.

Pertama, dapatan menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap sogit dan pamali masih kukuh, terutamanya melalui penurunan lisan, pemerhatian upacara adat, dan penyampaian generasi. Ini mengesahkan pandangan penulis bahawa budaya tradisional kekal relevan apabila ia terus dipraktikkan dan diwariskan dalam konteks keluarga serta komuniti. Sogit difahami sebagai denda adat yang berperanan memulihkan hubungan sosial, manakala pamali dilihat sebagai pantang larang yang melatih adab, sopan santun, dan keselamatan kanak-kanak.

Kedua, hasil temubual menyokong kesimpulan bahawa sogit dan pamali memainkan fungsi yang hampir sama dalam membentuk disiplin dan tingkah laku kanak-kanak, meskipun berbeza dari segi bentuk pelaksanaan. Kedua-duanya membentuk rasa tanggungjawab, kesedaran terhadap akibat perbuatan, serta menanam sikap hormat kepada orang tua. Dapatan ini mengesahkan cadangan penulis bahawa amalan tradisi mampu berperanan sebagai alat pendidikan awal dalam keluarga.

Ketiga, dapatan turut menunjukkan bahawa sogit dan pamali dilihat lebih berkesan berbanding teguran biasa, kerana ia menggabungkan unsur kepercayaan, emosi dan kuasa adat. Hal ini mengesahkan hipotesis penulis bahawa pendekatan berasaskan budaya mampu memberi impak yang lebih mendalam kepada kanak-kanak, berbanding nasihat lisan yang bersifat umum dan mudah diabaikan.

Akhir sekali, dapatan kajian menyokong cadangan penulis bahawa walaupun pengamalannya kini lebih selektif, amalan sogit dan pamali masih relevan dalam masyarakat moden selagi ia dilaksanakan dalam bentuk yang sesuai dengan konteks semasa. Penggunaan tradisi secara seimbang tanpa menimbulkan ketakutan melampau tetapi tetap mengekalkan nilai budaya dapat membantu komuniti mengekalkan identiti sambil membentuk generasi muda yang beradab dan berdisiplin.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa sogit dan pamali bukan sekadar warisan budaya, tetapi merupakan sistem pendidikan sosial yang mampu membentuk tingkah laku, nilai moral, serta identiti budaya dalam kalangan kanak-kanak di Sabah dan Indonesia. Amalan ini wajar terus diperkukuh melalui peranan keluarga, komuniti,

dan pendidikan formal bagi memastikan kelestariannya pada masa akan datang.

Apabila dibandingkan kajian ini dengan kajian terdahulu terdapat beberapa perbezaan. Antaranya, kajian terlebih dahulu berfokuskan kepada iaitu sogit digunapakai dalam membentuk nilai integriti moral, terutamanya dalam komuniti KDMR. Menurut projek dokumentasi adat Kadazan-Dusun oleh PACOS Trust (Tongkul, 2002), sebahagian daripada pasukan penyelidik termasuk Jannie Lasimbang yang menyumbang maklumat mengenai amalan sogit dan adat tempatan. Dalam projek ini Jannie Lasimbang menekankan tentang peranan penting dalam hubungan antara undang-undang moden dan adat sogit yang diterapkan. Kajian ini lebih memfokuskan peranan sogit dalam masyarakat moden sebagai suatu alat pendidikan sosial kepada generasi muda dan di dalam sistem kehakiman moden.

Selain itu, menurut pandangan antropologi yang dijelaskan oleh Suparlan (1984), pantang larang seperti pamali berfungsi sebagai norma sosial tidak bertulis yang mengatur tingkah laku masyarakat. Kajian ini juga menekankan bahawa pamali berfungsi sama seperti pegangan moral manusia yang membentuk tingkah laku yang kolektif dan identiti suatu budaya. Pamali juga mencerminkan hubungan antara manusia dan alam, termasuk kepercayaan bahawa pelanggaran pantang larang boleh membawa akibat buruk, yang mengajar masyarakat menghargai keseimbangan antara kehidupan fizikal dan spiritual.

Oleh itu, kajian terdahulu ini kurang memberikan penjelasan bagaimanakah amalan sogit dan pamali ini mampu membentuk tingkah laku Kanak-kanak di Sabah dan Indonesia. Amalan yang diterapkan dari turun-temurun membawa makna dalam kehidupan dari segi pembentukan sahsiah diri, juga meliputi penghormatan dan kepercayaan berkekal terhadap tradisi terdahulu. Secara keseluruhan, kajian ini memperluaskan perbincangan dan ilmu pengetahuan yang sedia ada dengan memberikan lebih perhatian terhadap golongan yang jarang dikaji serta melihat situasi dengan lebih dekat dari konteks tempatan dalam sumber pembentukan tingkah laku kanak-kanak meliputi dua negara iaitu Sabah dan Indonesia.

Kesimpulan

Dari sudut teori, kajian ini dapat dikaitkan dengan teori Vygotsky, iaitu Teori Sosial Budaya, menekankan peranan budaya dan interaksi sosial dalam perkembangan kanak-kanak. Dalam konteks ini, amalan sogit dan pamali boleh dianggap sebagai cultural tools yang membantu kanak-kanak mempelajari tingkah laku yang diterima secara sosial. Kanak-kanak memperoleh pemahaman ini melalui bimbingan orang dewasa serta pemerhatian terhadap norma dan amalan budaya dalam masyarakat mereka. Perkara ini selaras dengan pandangan Danoerboto (2015) yang menyatakan bahawa perkembangan pemikiran kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi sosial dalam konteks budaya di mana mereka dibesarkan.

Lawrence Kohlberg (1981, 1984), menjelaskan Teori Perkembangan Moral berdasarkan tiga peringkat iaitu Prakonvensional (Pre-Conventional), Konvensional (Conventional) dan Prekonvensional (Post-Conventional). Setiap peringkat mengandungi dua tahap perkembangan moral. Kajian Perkembangan Moral ini ialah proses individu menilai apa yang betul atau salah berdasarkan prinsip, nilai dan logik moral. Kohlberg berpendapat bahawa pemikiran moral berkembang secara beraturan dan berkait rapat dengan kematangan kognitif seseorang. Pada peringkat awal Prakonvensional, tingkah laku individu menilai sesuatu perkara berdasarkan ganjaran dan hukuman yang diterima

akibat perlakuan tersebut. Seterusnya peringkat Konvensional, dimana individu mula mengaplikasi peraturan berdasarkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh ibu bapa guru dan komuniti. Peringkat Prekonvensional merupakan peringkat terakhir, individu sudah mula mematuhi norma sosial, menilai moral berdasarkan prinsip keadilan sejagat dan hak manusia. Oleh itu, kajian ini boleh menilai sama ada kanak-kanak mematuhi amalan sogit atau pamali kerana mereka sudah memahami prinsip moral seperti menghormati alam, menjaga keselamatan atau hanya disebabkan takut kepada hukuman atau ancaman budaya.

Menurut konsep Pengkondisian Ketakutan (Fear Conditioning) menurut John B. Watson & Rosalie Rayner (1920), pembelajaran berasaskan ketakutan di mana individu mengaitkan rangsangan neutral dengan ancaman atau benda yang menyebabkan tindak balas takut secara automatik. Salah satu kajian yang di praktikan ialah The Little Albert yang pada awalnya tidak takut dengan tikus putih. Apabila terdapat kehadiran tikus dengan bunyi kuat yang menakutkan Albert. Setelah beberapa kali pengulangan, Albert mula takut tikus walaupun tanpa kehadiran bunyi itu. Ketakutan boleh terbentuk apabila satu benda atau tingkah laku neutral dipasangkan secara berulang dengan pengalaman yang tidak menyenangkan. Dalam kajian ini, kanak-kanak mempunyai perasaan takut ke suatu tempat seperti hutan, sungai, atau keluar malam kerana pengaruh terbesar mereka iaitu ibu, bapa, nenek dan datuk berkata jika bermain di tempat sehingga lewat atau tidak menghiraukan teguran, mereka akan mengganggu ketenteraman alam dan keharmonian setempat terjejas. Hal ini, menunjukkan peranan pamali sebagai alat sosial untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak dan menjelaskan bagaimana amalan sogit mampu membentuk disiplin melalui hukuman simbolik. Oleh itu, amalan sogit dan pamali dalam kajian ini meneliti bagaimana ketakutan yang dipelajari mampu mempengaruhi tingkah laku dan keberanian kanak-kanak

Secara praktikal, hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa, pendidik, dan masyarakat untuk merangka strategi pendidikan moral dan sosial yang lebih berkesan. Contohnya, pihak sekolah dan komuniti boleh membangunkan media pendidikan seperti buku bergambar, video pendek, atau cerita animasi yang memaparkan kesan pelanggaran sogit dan pamali. Media sedemikian membolehkan kanak-kanak mempelajari adat dan pantang larang dengan cara yang menarik serta mudah difahami. Pendekatan ini turut menyokong pemeliharaan keharmonian sosial serta memperkukuh hubungan antara generasi dengan alam dan para leluhur.

Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan

Untuk kajian akan datang, boleh diperluaskan ke lebih banyak daerah di Sabah. Contohnya seperti Ranau, Tambunan dan sebagainya, manakala wilayah di Indonesia pula seperti Sulawesi, Kalimantan dan Nusantara Tenggara bagi memperoleh lebih banyak perbandingan budaya yang lebih luas dan menyeluruh. Perkara ini dapat membantu untuk mengenal pasti kepelbagaian amalan sogit dan pamali mengikut etnik tertentu.

Selain itu, kajian ini boleh dilakukan menggunakan kajian longitudinal. Kajian ini memerlukan jangka masa panjang yang menilai bagaimana pendedahan terhadap amalan sogit atau pamali akan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak dari usia kecil hingga remaja. Melalui kaedah kajian ini, pengkaji dapat mengesan perubahan tingkah laku dari masa ke semasa dan keberkesanan amalan budaya tersebut. Secara keseluruhannya, cadangan penambahbaikan ini diharapkan dapat memperkayakan pengetahuan serta memberikan gambaran pada masa akan datang yang lebih mendalam berkaitan dengan peranan amalan sogit dan pamali dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak di Sabah dan Indonesia.

Rujukan

- Ahmad Khairundin, S. A., Abdul Khalil, S., & Narowi, M. (2019). Kearifan Tempatan dalam Pendidikan Kanak-Kanak: Sorotan Terhadap Garis Panduan Hukuman Rotan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). *Jurnal Fiqh*, 16(1), 83–104.
- Anggraeni, C., Elan, & Mulyadi, S. (2021). Metode Pembiasaan Untuk Menanamkan Karkater Disiplin dan Tanggungjawab di Ra Daarul Falaah Tasikmalaya. *Jurnal PAUD Agapedia*, 5(1), 100–109.
- Arif, M., & Listiana, A. (2022). Perkembangan moral kanak-kanak usia awal dalam konteks sosial dan budaya. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 16(2), 145–156.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Danoebroto, S. W. (2015). Teori belajar konstruktivis piaget dan vygotsky. *Indonesian Digital Journal of Mathematics and Education*, 2(3), 191–198. <http://idealmathedu.p4tkmatematika.org/>
- Dinda Vinata, Dwi Azri Damanik, Nanda Amalia, & Dora, N. (2025). Peran pamali dalam mempertahankan adat jawa di era modern. *Rekayasa: Jurnal Saintek*, 1(01), 20–26. <https://glonus.org/index.php/rekayasa/article/view/137>
- Djafar, O. S., & Kasidi. (2021). Pembiasaan Sikap Disiplin Anak di Taman Kanak-Kanak Aster Kecamatan Pulubala Kabupaten Gorontalo. *ECIE Journal: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini Early Childhood Islamic Education Journal*, 02(01), 2021–2746.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.3898/175864316818855248>
- Faiq, M., Fauzan, M. N., & Alif, M. (2025). Kepercayaan pamali dalam konteks tindakan sosial: Studi living hadis di desa singarajan kecamatan pontang. *Hamalatul Qur'an: Jurnal Ilmu-Ilmu Al-Qur'an*, 6(1), 1–10. <https://doi.org/10.37985/hq.v6i1.381>
- Hasmin, M. F., Marinsah, S. A., & Sintang, S. (2022). Perubahan dan Sinkretisme dalam Amalan Sogit Tanah Masyarakat Dusun Islam Ranau Sabah: Perspektif Islam. *Sains Insani*, 7(2), 40–46.
- Jamalie, Z., & Dalle, J. (2014). Pamali sebagai nilai tradisional pencitraan publik figur masyarakat banjar. *Jurnal Sosio Didaktika*, 1(2), 1051–1061.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development: The nature and validity of moral stages* (Vol. 2). Harper & Row.
- Lambin, R., Wahab, N. A., Choo, G. S., Mustapha, R., Abdullah, R., & Sharif, R. M. (2019). Transmission and Documentation of Orang Asli Indigenous Knowledge in “Green Technology” for Sustainable Development in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i5/5850>
- Laughlin, R. C. (1991). Environmental disturbances and organizational transitions and transformations: Some alternative models. *Organization Studies*, 12(2), 209–232. <https://doi.org/10.1177/017084069101200203>
- Marinsah, S. (2022). Amalan sogit sebagai warisan budaya dan mekanisme kawalan sosial dalam masyarakat tempatan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(1), 55–67.
- PACOS Trust. (2000). indigenous political systems of sabah: Documentation from community researchers. PACOS TRUST. <https://pacostrust.com/>
- Pg Musa, P. I., Ismail, S. Z., & Rahman, N. A. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 1–16. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.19.1.277>
- Pg Musa, P. I., Ismail, S. Z., & Rahman, N. A. (2020). Undang-Undang pelanggaran adat di mahkamah anak negeri: konflik pemakaiannya terhadap orang islam dalam kerangka perundangan plural di Sabah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1, 73–87.
- Rinus, F. J. (2018). *Perubahan pelaksanaan amalan adat sogit dalam masyarakat dusun di kg. sagindai lama, Ranau, Sabah* [Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak].
- Shuib, N. H. (2019). Penggunaan protokol temu bual dalam menghasilkan dapatan kajian kualitatif yang berkualiti: Satu perkongsian pengalaman. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*, 2, 97–112.
- Sriwati, S., Prasetyo, W., & Iqbal, M. (2022). Pamali: Intervensi dan pengaruhnya terhadap pembentukan pola pikir logis remaja dalam masyarakat banjar. *JISIP Jurnal Ilmu Sosial Dan Pendidikan*, 6(1). <https://doi.org/10.36312/jisip.v6i1.2832>
- Rinus, M. (2018). Perubahan amalan sogit dalam masyarakat: Analisis dari perspektif agama, pendidikan dan pembangunan. *Jurnal Antropologi Malaysia*, 43(2), 89–101.
- Sugara, R., & Perdana, D. (2018). Pamali sebagai instrumen pembentukan nilai moral dalam masyarakat tradisional. *Jurnal Sosiologi dan Budaya*, 13(1), 23–35.
- Suparlan, P. (1984). *Manusia, kebudayaan dan lingkungannya*. Rajawali.
- Tongkul, F. (2002). *Traditional systems of indigenous peoples of sabah, malaysia wisdom accumulated through generations*. PACOS Trust. <https://pacostrust.com/wp-content/uploads/2025/04/Traditional-Systems-of-Indigenous-Peoples-of-Sabah-Malaysia-1st-Ed.pdf>
- Tumangkeng, S. Y. L., & Maramis, J. B. (2022). Kajian pendekatan fenomenologi: Literature review. *Jurnal Pembangunan Ekonomi Dan Keuangan Daerah*, 23(1), 14–32. <https://ejournal.unsrat.ac.id/v2/index.php/jpek/article>

- Watson, J. B., & Rayner, R. (1920). Conditioned Emotional Reactions. *Journal of Experimental Psychology*, 3(1), 1–14. <https://doi.org/10.1037/h0069608>
- Wita, G., & Mursal, I. F. (2022). Fenomenologi dalam kajian sosial sebuah studi tentang konstruksi makna. *Titian*, 6(2), 325–338. <https://doi.org/10.22437/titian.v6i2.21211>
- Yasmansyah, Y., & Sesmiarni, Z. (2021). Metodologi ekonomi Islam. *IQTISHADUNA: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 10(2), 225–237. <https://doi.org/10.46367/iqtishaduna.v10i2.424>

